



E-SAH : SISTEM SEMAKAN CUKAI TANAH SECARA ATAS TALIAN

PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN TANAH
MERAH

AHLI KUMPULAN

- 1. EN. MUHAMMAD LUQMAN BIN CHE SOH
(PKJ PTH)**
- 2. EN. ABDUL AZIM BIN ZULKIFLI
(PKJ PTP)**
- 3. CIK EMILSA NAZARIH BINTI BADROL
RISYAM
(PKJ Pend)**
- 4. EN. MOHAMAD FAIZ BIN MOHD AMIN
(PPT)**
- 5. CIK NOR SHAHIDA HILAL MAHMAT NOR
(PT)**
- 6. CIK NOR SHAHILA BINTI CHE MAHMOOD
(PT)**

TUJUAN

PTJTM E-SAH

E-SAH adalah merupakan satu sistem atau kaedah pengesahan cukai tanah yang dapat dilakukan secara atas talian yang dilaksanakan pada peringkat awal/percubaan di Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah (PTJTM).

E-SAH adalah satu kesinambungan daripada rungutan dan aduan yang diperolehi dari pelanggan yang berurusan di PTJTM di mana mereka memaklumkan bahawa mereka mengalami kesukaran atau kesulitan untuk menyediakan wang yang secukupnya sebelum berurusan membuat bayaran cukai tanah di kaunter bayaran.

Keadaan ini bukan hanya menyukarkan pelanggan melakukan urusan pembayaran bahkan pada masa yang sama, masa yang diambil bagi satu-satu urusan apabila berdepan kesukaran sebagaimana dinyatakan di atas memakan masa yang lebih lama.



Walaupun terdapat alternatif lain yang telah diambil oleh pejabat tanah di Kelantan seperti kemudahan bayaran menggunakan kad debit/kredit di kaunter bayaran serta penghantaran surat pentadbiran memaklumkan jumlah tunggakan cukai, namun pelaksanaan sistem E-SAH ini masih dilihat amat rasional apabila mengambil kira konteks sosio-ekonomi penduduk di jajahan Tanah Merah serta ciri e-SAH yang dikatakan dekat dengan masyarakat (norma penggunaan media sosial).

KEPERLUAN

Berlandaskan kepada aduan dan rungutan secara lisan yang diterima, pihak PTJTM telah melakukan satu hebahan bagi mendapatkan pendapat orang ramai di laman facebook rasmi Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah mengenai kegagalan mereka dalam membayar cukai tanah.

Keputusan yang diperolehi adalah sebanyak **55%** dari 87 responden memilih pilihan 'Tiada Masa untuk ke Kaunter' manakala baki **45%** memilih 'Tidak Tahu Jumlah sebenar'. Selain itu, pihak pejabat juga telah mengedarkan satu borang soal selidik kepada pelanggan yang berurusan di kaunter bayaran hasil. Keputusan yang diperolehi adalah **60%** dari 50 responden memilih :Kekangan/Tiada Masa Untuk ke Pejabat Tanah' manakala baki **40%** berpendapat bahawa mereka 'Tidak Mengetahui Jumlah Cukai Tanah yang Sebenar' sebagai halangan mereka untuk menjelaskan cukai tanah.

Justeru, berdasarkan statistik ini, jelas bahawa pelaksanaan e-SAH ini mampu menjadi penyelesaian kepada peratusan responden yang berpendapat bahawa kegagalan mereka membayar cukai tanah adalah kerana tidak mengetahui jumlah cukai tanah. Dalam konteks yang lebih besar, e-SAH mampu menjadikan pelanggan supaya lebih **BERSEDIA**.

The image shows a screenshot of a Facebook poll and a survey form. The Facebook poll is titled 'Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah' and asks 'Apakah yang menyebabkan anda gagal membayar cukai tanah?'. The poll results are: 'Tiada Masa ke Kaunter' (55%) and 'Tidak Tahu Jumlah Sebenar' (45%). The poll has ended and has 87 votes and 3 comments. The survey form is titled 'Projek E-SAH' and asks 'Apakah yang menyebabkan anda lewat untuk membayar cukai tanah?'. The survey options are: 'Kekangan/Tiada Masa Untuk ke Pejabat Tanah' and 'Tidak Mengetahui Jumlah Cukai Tanah yang Sebenar'. The survey form also includes a thank you message: 'Terima Kasih atas Kesudian Tuan/Puan Menjawab Soal Selidik ini' and a box labeled 'E-SAH/'.

08:28 71% 4G

Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah

Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah created a poll — feeling hopeful.
26 Jul at 00:38 · 🌐

Apakah yang menyebabkan anda gagal membayar cukai tanah?

55% ← Tiada Masa ke Kaunter

45% → Tidak Tahu Jumlah Sebenar

This poll has ended.

Choose your own options, add GIFs or photos and poll your friends! TRY IT

Faisz Amin and 4 others · 87 votes · 3 comments

Like Comment Share

2,382 people reached > Boost Unavailable

Projek E-SAH
Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah

Apakah yang menyebabkan anda lewat untuk membayar cukai tanah?

Kekangan/Tiada Masa Untuk ke Pejabat Tanah


Tidak Mengetahui Jumlah Cukai Tanah yang Sebenar


"Terima Kasih atas Kesudian Tuan/Puan Menjawab Soal Selidik ini"

E-SAH/




PERCUBAAN. Pada 15 Mei 2019, PTJTM telah melakukan hebahan di facebook PTJTM dengan meletakkan link whatsapp bagi pelanggan melakukan semakan.





POSITIF. Respon yang diterima sangat memberangsangkan dan boleh dikatakan masyarakat menerima baik kepada alternatif ini.



KELEBIHAN

JIMAT KOS. Aplikasi boleh didapati secara percuma di playstore dan apps store (Whatsapp Business).



PRAKTIKAL. Skrip jawapan bagi membalas mesej pelanggan yang berbeza telah tersedia tanpa perlu menaip semula. Fungsi *autoreply* turut tersedia.



JIMAT MASA. Tahap kesiapsiagaan pelanggan akan meningkat memandangkan mereka lebih bersedia sebelum ke kaunter apabila telah mengetahui jumlah yang perlu dibayar



MESRA PENGGUNA. Berkait rapat dengan norma penggunaan media sosial bagi masyarakat masa kini.

e-SAH

PERBANDINGAN

Kaedah Konvensional


Masa yang diambil lebih lama sekiranya pelanggan kurang bersedia untuk menyediakan wang yang secukupnya untuk pembayaran cukai tanah di kaunter

Kegagalan bilangan urusniaga sekiranya pelanggan memilih untuk pulang apabila gagal menyediakan wang secukupnya

PTJTM E-SAH

Semakan yang telah dilakukan terlebih dahulu membolehkan pelanggan menyediakan wang yang secukupnya

Tiada halangan dalam bilangan urusniaga.



PENUTUP



Dengan terlaksananya e-SAH (Sistem Semakan Cukai Tanah Secara Atas Talian) ini, diharapkan ianya menjadi pemangkin kepada pejabat tanah yang lain untuk menerima alternatif ini bagi memudahkan urusan percukaian tanah.



Atur gerak kerja yang praktikal, jimat masa dan kos dalam pelaksanaan e-SAH ini adalah selaras dengan usaha kerajaan bagi meminimumkan kos dan mengoptimumkan hasil dalam urusan seharian di pejabat



Sistem ini bukan sahaja untuk memudahkan urusan jabatan, malah dapat melatih kakitangan supaya celik teknologi maklumat seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

TUTORIAL 1

